



Submission date: 25/11/2023 Accepted date: 15/3/2024 Published date: 30/4/2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol30no1.575>

PELAKSANAAN PEMBANGUNAN TANAH-TANAH WAKAF DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

*Implementation Of Waqf Land Development in Terengganu Islamic Religious and
Malay Customs Council (MAIDAM)*

Mohd. Ridzuan bin Mohamad^a, Ahmad Azrin bin Adnan^a

^aMajlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
Jalan Sultan Mohamad, 20519 Kuala Terengganu, Terengganu

duan_shi@yahoo.com

Abstrak

Hasrat kerajaan Malaysia yang mahukan wakaf dapat diperkasakan diseluruh negara menerusi tema ‘Wakaf Madani’, maka pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam usaha bagi menjayakan dasar ini dengan pelbagai bentuk yang telah direncanakan. Namun demikian, permasalahan asas yang sering berlaku sejak sekian lama adalah bahawa pihak MAIN tidak mempunyai dana yang mencukupi, kesan daripada ini banyak tanah-tanah wakaf tidak memperoleh hasil manfaat yang sepatutnya. Menerusi permasalahan ini, skop kajian ini akan menfokuskan tanah-tanah wakaf di Terengganu. Empat tema yang menjadi perhatian dalam kajian ini ialah mengkaji status tanah wakaf, sektor pembangunan yang sesuai dibangunkan, pembiayaan dana wakaf dan kaedah projek wakaf yang akan dilaksanakan. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan reka bentuk analisis dokumen berdasarkan teknik analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati, kedudukan tanah wakaf yang sesuai dimajukan adalah tanah wakaf am. Manakala sektor pembinaan bangunan pula, ia didahuluikan fizikal pembangunan yang mempunyai impak yang lebih luas serta kos pembinaan yang berpatutan. Bagi dana pembiayaan pula, kemampuan yang terdapat di MAIDAM adalah melalui sumber wakaf tunai dan istibdal. Seterusnya, projek pembangunan tanah wakaf yang ideal perlu dilaksanakan adalah kaedah konveosional. Kesimpulanya, empat tema kajian ini

merupakan perkara penting yang perlu direalisasikan di peringkat industri khususnya di MAIDAM.

Kata Kunci: Pembangunan, Tanah Wakaf, MAIDAM.

Abstract

Regarding the intention of Malaysia government who wants waqf to empower throughout the whole country through ‘Wakaf Madani’ theme, then State Islamic Religious Councils (MAIN) are putting efforts in succeeding this policy through various forms of programs planned. However, fundamental problem recurring since a long time is that MAIN do not possess adequate fund, due to this many waqf lands did not achieve expected benefits. Based on this problem, research scope focused on waqf lands in Terengganu. Four themes attended in this study are to study waqf land status, suitable developmental sectors to be developed, financing of waqf fund, and methods to be implemented for waqf project. This study was performed through qualitative study by applying document analysis design based on content analysis techniques. This study found that, position of waqf land suitable for development is general waqf land. Meanwhile for buildings construction sector, physical development with wider impact and reasonable cost. While for financing fund, the authority in MAIDAM is through cash waqf and istibdal sources. Therefore, ideal method to be implemented in MAIDAM is conventional method. Conclusively, these four themes of study are important aspects to be realised at industrial level especially in MAIDAM.

Keywords: Development, Waqf Lands, MAIDAM.

PENDAHULUAN

Pembangunan tanah wakaf merupakan aset penting terhadap pengukuhan ekonomi umat Islam jika ia dilaksanakan sebaik mungkin seperti telah dilaksanakan di beberapa buah negara seperti di Indonesia, Turkiye, Mesir dan sebagainya (Yayasan Waqaf Malaysia, 2016). Di Malaysia, pembangunan tanah-tanah wakaf pada awalnya tertumpu kepada sektor keagamaan antaranya pembinaan pondok, masjid dan surau (Razali Othman, 2013). Kemudiannya, transformasi pembangunan tanah wakaf secara optimum mula dilaksanakan sejak penubuhan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2004. Empat sektor pembangunan tanah wakaf telah dibangunkan iaitu sektor komersial, sosial, pendidikan dan kesihatan. Di Terengganu,

projek pembagunan tanah wakaf telah berjaya dibangunkan dengan melibatkan pelbagai dana peruntukan sama ada dana daripada kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, sumber dalaman MAIDAM dan sebagainya. Hasil pembangunan tanah wakaf ini turut menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada para penerima wakaf sama ada agihan dalam bentuk bantuan dan sebagainya (Ridzuan Mohamad, 2020). Sehubungan itu, permasalahan utama bagi membangunkan tanah wakaf adalah kekurangan dana atau sumber kewangan, kesan daripada ini banyak tanah-tanah wakaf dalam keadaan terbiar. Di Terengganu, daripada keseluruhan tanah wakaf yang ada, pihak MAIDAM mendapati masih banyak tanahnya tidak dibangunkan khususnya dalam bentuk pembinaan fizikal sama ada bangunan premis perniagaan atau rumah sewa (Yaacob Abdullah, 2021). Namun demikian, penelitian secara mendalam ke atas tanah-tanah yang berpotensi dimajukan perlu diusahakan lebih keras bagi mengenalpasti situasi sebanar ke atas tanah wakaf tersebut. Pada tahun 2014, pihak JAWHAR telah memaklumkan bahawa halangan pembangunan tanah wakaf di peringkat negeri disebabkan kekurangan dana atau sumber peruntukan kerana kos pembangunannya melibatkan jumlah peruntukan yang besar. Oleh demikian, pihak MAIN terpaksa bengantung dana peruntukan di bawah kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia (RMK) Ke-8, Ke-9 atau Ke-10. (Bakri Ibrahim, 2013), Justeru itu, pihak JAWHAR menyarankan supaya pihak MAIN perlu berusaha secara proaktif dengan pelbagai pendekatan alternatif bagi memperoleh pembiayaan atau dana yang mencukupi. Selain itu, peruntukan pembangunan daripada kerajaan Persekutuan juga adalah terhad untuk disalurkan ke seluruh MAIN, maka dengan situasi ini, sejauhmanakah pihak MAIDAM menghadapi isu tersebut. Selain isu dana, terdapat beberapa perkara yang lain yang menjadi fokus perbincangan pembangunan tanah wakaf, maka objektif kajian ini akan mengfokuskan kepada sektor pembangunan yang sesuai dilaksanakan, kedudukan dana atau sumber peruntukan dan kaedah pelaksanaan projek.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur merupakan suatu kaedah bagi menyoroti sebuah penulisan untuk mengenalpasti sebuah teoritikal atau tema terhadap bidang yang dikaji serta data-data kajian yang lepas (Siti Uzairah, 2018). Kajian ini turut ditemui di beberapa buah penulisan yang lepas seperti, buku, kertas kerja atau jurnal yang membincangkan mengenai pembangunan harta tanah wakaf. Sehubungan itu, tema-tema yang disoroti bagi kajian ini adalah merangkumi kedudukan tanah wakaf, sektor pembangunan tanah wakaf, pembiayaan tanah wakaf dan kaedah pelaksanaan projek harta tanah wakaf.

Kedudukan Tanah Wakaf

Para ulama silam telah membahagikan harta wakaf (*mawquf*) kepada dua jenis, pertama harta alih, kedua harta tidak alih. Harta alih termasuk peralatan masjid, peralatan peperangan, binatang, pakaian dan sebagainya (Al-Ramli, t.t), manakala

harta tidak alih pula iaitu tanah dan masjid. Selain itu, para ulama juga membahagikan manfaat wakaf (*mawquf alihī*) kepada pelbagai jenis seperti wakaf *khairi*, wakaf ahli dan wakaf *zurri* (Wahbah Al-Zuhaili, 2008). Yayasan Waqaf Malaysia (2015) menjelaskan bahawa pelaksanaan wakaf di negeri ini dibahagikan kepada dua jenis, pertama wakaf ahli dan kedua wakaf *khairi*. Wakaf *khairi* pula mempunyai dua pecahan iaitu wakaf khas dan wakaf am. Manakala JAWHAR (2009) menjelaskan bahawa pelaksanaan wakaf di Malaysia hanya dua jenis sahaja iaitu wakaf khas dan wakaf am.

Menurut perundangan wakaf di Malaysia, wakaf dibahagikan kepada dua jenis iaitu wakaf am dan wakaf khas. Ini termaktub dalam Enakmen Wakaf (Negeri Terengganu) 2016 Seksyen 14, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) Seksyen 2 (1), Enakmen Wakaf (Perak) 2015 Seksyen 3 (2), Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 Seksyen 3 (2), Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 Seksyen 12, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Negeri Johor) 2003 Seksyen 89 (a), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Kedah) 2008 Seksyen 52 (a), Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Seksyen 61, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991 Seksyen 70, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 Seksyen 89 (a), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Ugama Islam (Negeri Perlis) 1964 Seksyen 64 (1) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Sabah) 1992 Seksyen 45. Berdasarkan perundangan dan hukum syarak berkait kedudukan tanah wakaf, ianya mempunyai pecahan atau pembahagian sama ada wakaf am, wakaf khas atau sebagainya dan setiap pecahan tersebut merungkumi fungsi yang berbeza. Sebagai contoh, tanah wakaf bagi tapak masjid tidak boleh digunakan kepada tujuan wakaf yang lain. Hal ini selaras ketetapan di bawah Enakmen Wakaf Terengganu 2016 Seksyen 38.

Sektor Pembangunan Hartanah Wakaf

Kajian sebelum ini telah menjelaskan beberapa sektor pembangunan tanah wakaf yang telah dilaksanakan di negara ini. Menurut Razali Othman (2013), pembangunan tanah wakaf mula dilaksanakan sejak belum kemerdekaan lagi. Pembangunan wakaf pada ketika ini lebih tertumpu kepada pembangunan tradisional seperti pembinaan masjid, surau, pondok pengajian agama dan perkuburan Islam. Pada ketika ini juga, pelaksanaan pembangunan secara tradisional adalah berkembang dengan baik dan sektor pembangunan ini adalah sesuai dan memenuhi keperluan masyarakat pada masa tersebut.

Menurut Asmak (2009) pula, sektor pembangunan harta tanah wakaf perlu diperkasakan dari sudut sektor sosial sebagai contoh menyediakan rumah kepada

golongan yang tidak mampu melalui instrument wakaf. Cadangan ini disokong oleh Fatin Dayana (2022) bahawa keperluan pembangunan harta tanah wakaf dari sudut penyediaan rumah kepada sasaran tersebut merupakan suatu keperluan penting pada masa kini. Bagi sektor pembangunan pendidikan pula, Ali Muhammad Don (2016) menjelaskan bahawa pembagunan harta tanah wakaf bagi sektor ini mula dilaksanakan secara komprehensif pada masa kini dan selaras dengan perundungan wakaf yang ada. Antara pembangunan sektor pendidikan yang dilaksanakan iaitu kerjasama pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau universiti dengan pihak MAIN. Pada dasarnya, pembangunan sektor pendidikan melalui insrument wakaf telah lama dilaksanakan, diawali dengan pembinaan pusat pengajian pondok dan madrasah secara tradisional.

Ridzuan (2020) pula menjelaskan bahawa pada tahun 2007, pembangunan harta tanah bagi sektor komersial dan kesihatan pesat dibangunkan di bawah peruntukan RMK ke 9 dan RMK ke 10 melalui kerjasama JAWHAR dengan pihak MAIN. Antara projek pembangunan yang berjaya dibangunkan seperti pembinaan hotel, premis perniagaan dan pusat rawatan. Pembangunan harta tanah wakaf dari sudut komersial merupakan faktor penting bagi pengukuhan ekonomi Islam pada masa kini dan perlu diperkasakan lagi pelaksaaan tersebut di peringkat MAIN.

Berdasarkan sorotan di atas, sektor pembangunan iaitu sektor pendidikan, kesihatan, dan komersial mempunyai manfaat yang penting kepada masyarakat. Sehubungan itu, pemerkasaan secara lebih optimum wajar diteruskan melalui pendekatan wakaf sebagaimana telah dilaksanakan dibeberapa buah negara seperti di Indonesia dengan mewujudkan hospital wakaf iaitu Rumah Sakit Islam Jakarta (Badan Wakaf Indonesia, 2015) dan beberapa pusat kesihatan di Turkiye (Davut Gazi, 2014).

Kaedah Pembiayaan Projek Wakaf

Kajian sebelum ini telah mengetengahkan beberapa kaedah pembiayaan harta tanah wakaf di negara ini. Menurut Sakinatul (2018), pembiayaan pembangunan wakaf yang dilaksanakan di MAIN dengan dua kaedah, kaedah pertama iaitu secara langsung seperti peruntukan melalui dana wakaf tunai, wakaf kaki, istibdal dan saham wakaf. Manakala kaedah kedua pula ialah peruntukan secara tidak langsung seperti pelaksanaan pajakan iaitu kaedah *Build-Lease and Transfer* (BLT).

Menurut Surita Hartini (2021), pembiayaan harta tanah wakaf yang pesat dilaksanakan di setiap MAIN adalah melalui kaedah secara langsung iaitu dana wakaf tunai dan wakaf kaki. Kedudukan wakaf tunai turut memberi kesan yang

positif kepada pelbagai lapisan masyarakat yang hendak berwakaf kerana ia mudah dilaksanakan berbanding berwakaf melalui harta tak alih seperti tanah atau bangunan. Asiah Kamal (2017) menjelaskan, pelbagai bentuk kaedah pembiayaan harta tanah wakaf yang telah dilaksanakan di peringkat MAIN. Wakaf tunai merupakan kaedah pembiayaan yang paling banyak dilaksanakan berbanding kaedah yang lain. Kini, wakaf tunai telah diperkasakan dan diperluaskan dari sudut pelaksanaanya. Antara pemerkasaan yang dibuat iaitu pihak MAIN telah berjaya melaksanakan kerjasama dengan pihak bank bagi meningkatkan kutipan wakaf tunai melalui pelbagai platform yang ada di peringkat perbankan. Selain itu, beberapa kaedah lain yang dilaksanakan seperti kaedah pajak (BOT), peruntukan kerajaan dan hasil wakaf.

Bagi Hurdin Ngadimon (2015) pula, antara instrumen pembiayaan pembangunan wakaf yang mempunyai kesesuaian pada masa kini adalah melalui keadah sukuk. Walaupun majoriti MAIN masih tidak melaksanakan kaedah ini, tetapi ia memberi peluang kepada pihak luar untuk melaburkan hartanya, justeru hal ini turut memberi impak positif bagi dapat meningkatkan aset-aset wakaf di negara ini. Berdasarkan sorotan kajian ini, kaedah pembiayaan merupakan teras utama untuk pembangunan tanah wakaf seperti wakaf tunai, wakaf kaki, istibdal, BOT dan BLT. Kaedah pembiayaan ini merupakan pendekatan secara proaktif yang dilaksanakan diperingkat MAIN dan menepati saranan daripada pihak JAWHAR agar kebergantungan peruntukan di peringkat kerajaan Persekutuan dikurangkan. Namun demikian, kaedah pembiayaan ini masih tidak mencukupi menampung segala kos pembiayaan jika dibandingkan tanah-tanah wakaf yang masih banyak berpotensi dimajukan.

Kaedah Pembinaan Projek Wakaf

Projek adalah bermaksud suatu program penyelidik dan kegiatan yang dijalankan secara tersusun bagi mencapai suatu tujuan. Ia didefinisikan juga sebagai ‘sebuah perancangan bagi membina pembangunan secara tersusun dengan menggunakan pelbagai sumber (Abdul Rasyid, 1999). Justeru, dalam konteks kajian ini adalah menfokuskan kepada projek pembinaan fizikal harta tanah wakaf. Secara asasnya, terdapat tiga kaedah pelaksanaan projek di negara ini iaitu pertama kaedah tradisional, kaedah ini mula dilaksanakan sejak belum kemerdekaan. Ia melibatkan pembangunan awam yang diuruskan sepenuhnya oleh jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Skop kerja bagi kaedah ini adalah bersesuaian dengan projek yang berskala kecil. Kini kaedah tersebut tidak lagi dilaksanakan (Jabatan Perdana Menteri, 2015). Kaedah kedua iaitu kaedah konvensional, Kaedah ini merupakan satu kaedah pembaharuan terhadap keadah pertama. Seiring dengan perkembangan

pembangunan di negara ini, kaedah ini mula memerlukan khidmat pihak kontraktor. Namun perkhidmatannya masih terhad iaitu Jabatan Teknikal masih mengawal selia perancangan, reka bentuk dan pengesahan siap projek. Setelah itu, khidmat perunding boleh melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan perancangan. Ketiga, kaedah Reka dan Bina (R&B). Kaedah ini diistilahkan sebagai ‘mereka dan mebina’. Ia mempunyai hubung kait dengan pihak kerajaan dan pihak konterktor. Dalam konteks ini, Pihak kerajaan akan menyediakan keperluan manakala pihak kontraktor pula menyediakan cadangan. Pelaksanaan bagi kaedah ini ialah pihak kontraktor akan melantik perunding dan merancang serta mencadang reka bentuk bagi sebuah bangunan. Bagi pelaksanaan pembinaan projek wakaf, kedua bentuk tersebut adalah penting untuk memperoleh perakuan yang sah mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 di bawah Seksyen 22 dan akhirnya pembangunan projek yang dibangunkan akan memperoleh *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pendekatan ini dilaksanakan untuk mengkaji secara mendalam tentang fenomena pelaksanaan wakaf di MAIDAM melalui fandemental yang sedia ada seperti dari sudut pengurusan, perundangan dan kewangan. Melalui teknik kajian induktif ini, dapatannya adalah merujuskan pembentukan model baharu bagi pembangunan wakaf dan relevan untuk dilaksanakan di peringkat MAIDAM. Data-data yang dikumpulkan terdiri daripada data sekunder dan data primer. Kaedah pengumpulan data pula dilaksanakan melalui carian secara online seperti jurnal, buku atau laman sesawang rasmi seperti MAIDAM, YayasanWaqaf Malaysai dan JAWHAR. Bagi data primer, maklumat berkait wakaf diperoleh secara lapangan di unit wakaf MAIDAM seperti maklumat tanah, kewangan dan beberapa perkara berkait pembangunan wakaf. Secara keseluruhan, data yang diperoleh dianalisis secara teknik penganalisisan kandungan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatkan kajian ini mengfokuskan empat perkara berdasarkan objektif di atas sebagaimana perincian di bawah:

Tanah Wakaf MAIDAM


Laporan tanah wakaf di MAIDAM mempunyai beberapa kategori. Ia dibahagikan mengikut jenis-jenis wakaf seperti wakaf tapak masjid (TM), wakaf tapak surau (TS), wakaf zuriat (WZ), wakaf khas manfaat (WM) dan wakaf am (W.Am). Jumlah keseluruhan tanah wakaf ini adalah sebanyak 1039 lot yang meliputi tujuh daerah iaitu daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Kemaman, Marang, Dungun dan Hulu Terengganu. Butiran terperinci sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 1: Senarai Tanah Wakaf MAIDAM

Daerah	W.Am	T. M	T.S	T.K	W. Z	M.W	Jumlah
K.Terengganu	143	36	43	78	25	207	532
Kemaman	29	4	15	3	-	8	59
Dungun	4	4	12	2	-	3	25
H.Trg	18	5	13	12	1	24	73
Marang	40	13	42	18	3	53	169
Besut	5	3	13	6	-	11	38
Setiu	8	17	7	19	-	4	55
K.Nerus	19	6	23	16	5	19	88
Jumlah	266	88	168	154	34	329	1039
Jumlah Keseluruhan : 1039							

Berdasarkan jadual 1 di atas, pecahan demografi tanah wakaf mengikut peratusan sebebagaimana beriku:


Rajah 1: Pecahan Demografi Tanah Wakaf MAIDAM



Rajah 1 di atas menunjukkan, jenis tanah wakaf yang tertinggi adalah wakaf khas manfaat iaitu 31.67%, diikuti tempat kedua wakaf am sebanyak 25.60% dan tempat ketiga wakaf tapak surau sebanyak 16.17%. Setelah menganalisis hasil perbincangan dengan pihak MAIDAM berdasarkan data-data tanah wakaf yang direkodkan, kebolehsanaan bagi membangunkan projek ke atas tanah wakaf mengambilkira tujuh faktor utama iaitu pertama Daerah Kuala Terengganu, kedua keluasan tanah 1 ekar ke atas, ketiga mempunyai akses jalan, keempat syarat nyata tanah berstatus bangunan nm kelima kawasan sekitar iaitu kawasan cadangan penempatan baharu (pecahan sempadan) dan kenam pegangan hakmilik 1 / 1 bahagian ke atas nama MAIDAM

Rumusan ini berdasarkan data yang diperoleh daripada unit wakaf setelah di analisis sebagaimana berikut:

Rajah 2: Analisis Demografi Tanah Wakaf Am



Berdasarkan rajah 2 di atas, data ini dapat dihuraikan iaitu sebanyak 63 lot tanah wakaf am yang berada di tujuh daerah ini, daerah Kuala Terengganu mempunyai rekod yang paling banyak dengan jumlah 21 lot, manakala daerah Besut dan Dungun pula tidak mempunyai tanah wakaf ini di daerah tersebut. Daripada tujuh daerah ini, tiga daerah yang berpotensi dimajukan tanah wakaf iaitu daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Kemaman.

Dari sudut keluasan tanah wakaf am, 60 lot (97%) tanah wakaf am yang masih kosong adalah berkeluasan 1 ekar ke bawah, selain itu, 2 lot yang berkeluasan 2 ekar ke bawah dan 1 lot berkeluasan 4 ekar. Kesemua keluasan ini adalah sesuai untuk dibangunkan projek berskala kecil seperti pembinaan rumah kediaman, kedai, homestay dan sebagainya. Bagi projek berskala besar seperti pembinaan kilang, tanaman kelapa sawit dan sebagainya adalah tidak sesuai mengikut keluasan saiz tanah wakaf tersebut. Namun, untuk tanaman berskala kecil seperti tanaman kontan ianya masih sesuai untuk dilaksanakan.

Mengikut kedudukan tanah pula, sebanyak 51 lot (80%) yang mempunyai akses jalan untuk menuju ke atas wakaf, manakala 12 lot (20%) lagi tidak mempunyai akses ini. Justeru, untuk membangunkan keseluruhan tanah wakaf am ini, adalah didahuluikan membangunkan tanah-tanah yang telah mempunyai akses jalan tersebut. Bagi kedudukan syarat tanah pula sebagaimana tercatat disetiap geran tanah, 43 lot (68%) tanah wakaf yang berstatus syarat ‘bangunan’ manakala 21 lot (13%) pula syarat tanah ‘pertanian’. Berdasarkan status syarat tanah ini, pihak MAIDAM boleh memajukan tanah wakaf secara pelbagai samada untuk pembinaan fizikal atau pertanian kontan.

Kesemua 63 lot tanah wakaf am yang masih kosong ini terletak dipelbagai di kawasan. Pecahnya iaitu, 30 lot (47%) terletak di kawasan cadangan penempatan baharu iaitu kawasan pecahan lot tanah, 17 lot (26%) terletak di kawasan kampung, 3 lot (4.7%) terletak di kawasan sawah, manakala masing-masing 1 lot terletak di kawasan tepi sungai, pekan dan bandar. Berdasarkan taburan kawasan ini, memajukan tanah wakaf secara pembinaan rumah kediaman mempunyai potensi yang tinggi berbanding yang lain.

Akhirnya, antara faktor yang perlu dilihat dari sudut hendak memajukan tanah wakaf adalah status pegangan hak milik tanah. Pegangan tunggal iaitu 1/1 bahagian ke atas hak milik tanah adalah mudah untuk dibangunkan berbanding pegangan secara bersyarikat samada $\frac{1}{2}$ bahagian dan sebagainya. Justeru itu, kesemua 63 lot tanah wakaf am ini, 56 lot (88%) MAIDAM mempunyai pegangan 1/1 bahagian ke atas tanah wakaf. Berdasarkan kedudukan ini, pihak MAIDAM boleh memajukan tanah wakaf tanpa mempunyai halangan yang banyak seperti pegangan bersyarikat ke atas mana-mana tanah yang terlibat.

Sektor Pembangunan Wakaf MAIDAM

Pembangunan tanah wakaf yang telah dibangunkan dapat dibahagi kepada empat bahagian. Pertama, sektor komersial, kedua sektor pendidikan, ketiga sektor sosial dan keempat sektor kesihatan. Projek pembangunan tanah wakaf yang telah berjaya dibangunkan sebagaimana jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Senarai Bangunan Wakaf MAIDAM

Sektor Komersial:

Bil	Jenis pembangunan	Butiran pembangunan	Keterangan tanah wakaf	Tarikh siap pembinaan / pembelian hartanah
1	Hotel Grand Puteri	7 tingkat (180 bilik)	Lot 23919 GN 60030 Mukim Bandar	2013
2	Premis perniagaan Kg Batu 6	4 unit (3 tingkat)	Lot 18170 PM 3975-1812 PM 3033, Daerah Kuala Terengganu	2018
3	Bazar Rakyat (premis perniagaan)	1 unit (2 tingkat / 12 bilik) dan 4 unit kiosk	Lot 4220, Mukim Lubuk Kawah, Daerah Besut.	2010
4	Hentian MAIDAM (premis perniagaan)	5 unit	Lot 5730 KRM 191, Mukim Kuala Nerus	2014
5	Arked MAIDAM (premis perniagaan)	6 unit	Lot 1832 GM 1156, Mukim Batu Buruk, Daerah Kuala Terengganu	2012
6	Premis perniagaan Chukai	1 unit (2 tingkat)	Lot 8874 GM 7636 Mukim Chukai Kemaman	2011
7	Premis perniagaan Kg Bukit Kecil	10 unit	Lot 1632 GM 936, Daerah Kuala Terengganu	2012
8	Rumah kediaman (Sewaan)	1 unit	Lot 3032 GM 107, Mukim Kuala Dungun.	2010
9	Bangunan Pejabat	4 unit (2 tingkat)	Lot 37833 HSD 325, Mukim Kuala Nerus	2018

Sektor Pendidikan:

Bil	Jenis pembangunan	Butiran pembangunan	Keterangan tanah wakaf	Tarikh siap pembinaan /pembelian
1	Asrama MAIDAM Kuala Terengganu	1 kompleks (3 tingkat)	Lot 3878 GM 2824, Mukim Batu Buruk, Kuala Terengganu	1999
2	Asrama MAIDAM Besut	1 kompleks (2 tingkat)	Lot 2654 GM 476 Mukim Kampung Raja, Besut	2011
3	Asrama MAIDAM (Darul Akhyar)	1 Kompleks (1 buah surau, 3 unit pentadbiran)	lot 3287 GM 10277, Mukim Batu Rakit, Kuala Nerus	2010
4	Akademik Kulinari Terengganu	1 Kompleks (5 unit, 1 buah surau)	Lot 2466 GM 476, Daerah Marang	2012

Sektor Sosial:

Bil	Jenis pembangunan	Butiran pembangunan	Keterangan tanah	Tarikh siap pembinaan
1	Rumah kediaman asnaf di atas tanah wakaf Banggol Peradong	37 unit rumah teres	Lot 12833 PM 1328 hingga Lot 12869 PM 1364, Mukim Belara, Daerah Kuala Terengganu	2012

Sektor Kesihatan:


Bil	Jenis pembangunan	Butiran pembangunan	Keterangan tanah	Tarikh mula operasi
1	Pusat Hemodialisis	1 buah rumah bangglo (1 tingkat)	Lot 12833 PM 1328 hingga Lot 12869 PM 1364, Mukim Belara, Daerah Kuala Terengganu	2022

Berdasarkan jadual 2 di atas, jenis pembangunan yang telah dibangunkan ke atas tanah wakaf iaitu 9 sektor komersial, 4 sektor pendidikan, 1 sektor sosial dan 1 sektor kesihatan. Sektor komersial adalah paling banyak dibangunkan kerana hasil manfaat yang diperolehi terutama hasil sewaan adalah paling tinggi berbanding sektor-sektor yang lain. Sebagai contoh, hasil terimaan yang diperoleh daripada sewaan hotel Grand Puteri adalah sebanyak RM 50,000 setahun. Berdasarkan sektor pembangunan tanah wakaf yang dilaksanakan ini, pihak MAIDAM dalam usaha membangunkan mana-mana pembangunan tanah wakaf berdasarkan sektor komersial, ini kerana sektor ini menepati formula *Creativity Index* (CI). CI merupakan salah satu mekanisme baharu yang diwujudkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Ia diwujudkan bagi bermatlamat bahawa pembangunan yang dibangunkan di negara ini adalah singnifikan kepada masyarakat. Konsep CI telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan terhadap projek pembangunan di bawah RMK Ke-11. Garis panduan CI yang ditetapkan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dengan mempunyai beberapa ciri sebagaimana berikut:

- i) Merangcang projek pembangunan yang berimpak tinggi, kos rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat.
- ii) Nilai impak atau faedah diterima oleh rakyat adalah positif berbanding kos projek (pembangunan dan operasi) bagi satu tempoh yang ditetapkan.
- iii) Mengukur kemampuan projek untuk memberi nilai impak tinggi kepada rakyat manakala kos pula rendah pulangan kepada pihak kerajaan.
- iv) Prinsip '*best value for money*' iaitu optimum penggunaan sumber terhad.

Konsep asas bagi CI adalah mengambilakira dua faktor iaitu kos dan impak. Kedudukan konsep ini sebagaimana rajah berikut (Jabatan Perdana Menteri, 2015):

Rajah 3: Formula *Creativity Index* (CI)



Pembiayaan Pembangunan Wakaf MAIDAM

Pembiayaan pembangunan tanah wakaf di MAIDAM melibatkan beberapa jenis dana, antaranya peruntukan daripada pihak kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri, wakaf tunai, istibdal dan sumbangan daripada pihak luar. Butiran terperinci sebagaimana rajah di bawah:

Jadual 3: Pembiayaan Bangunan Wakaf MAIDAM

Bil	Peruntukan	Jenis Pembangunan	Tempat	Jumlah
1	Kerajaan Persekutuan	Hotel Wakaf	Bandar K. Terengganu	RM 41.68 Juta
		Asrama Pelajar	Besut (Kg Raja)	RM 8.3 Juta
		Akademik Kulanari	Marang	RM 1.9 Juta
		Presmis pernigaan	Besut (Lubuk Kawah)	RM 1.0 Juta
2	Kerajaan Negeri	Premis pernigaan	K.Nerus (Padang Air)	RM 1,0 Juta
		Premis pernigaan	Kemaman (Chukai)	RM 326,732.50
		Rumah sewaan	Dungun	RM300,000.00
3	Wakaf Tunai	Premis perniagaan	K.Nerus (Batu 6)	RM 3.5 Juta
4	Istibdal	Premis perniagaan	K.Nerus (Jalan Semarak)	RM 3,780,000.00
		Premis pernigaan	K. Trg (Cabang tiga)	RM 55,090.00
5	Dana luar (Bank Islam)	Kediaman asnaf	K.Trg (Banggol peradong)	RM 1.0 Juta

Merujuk jadual 3 di atas, peruntukan Kerajaan Persekutuan merupakan penyumbang tertinggi dalam pembangunan harta tanah wakaf di Terengganu. Mengikut peratusan dana yang digunakan, peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 85%, peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak 2.5%, wakaf tunai sebanyak 5.6%, istibdal sebanyak 6% dan dana luar sebanyak 1.6%. Berdasarkan perbelanjaan ‘Bajet MAIDAM 2023’, pembiayaan pembangunan tanah wakaf adalah berdasarkan sumber dalaman MAIDAM iaitu daripada peruntukan wakaf am sebanyak RM 600,000.00. Peruntukan ini adalah untuk mebina dua unit kediaman di atas tanah wakaf lot 490 Mukim Bukit Besar. Selain itu, pembiayaan dana wakaf turut diperoleh secara

sumbangan oleh pihak luar, antaranya sumbangan daripada pihak TERAJU (Bumiputera Bhd). Sumbangan pembiayaan ini adalah untuk membangun tanah wakaf lot 13477 Mukim Kuala Nerus dengan cadangan membina 16 unit Chalet di atas tanah tersebut.

Selain pembiayaan ini, pihak MAIDAM juga mencadangkan untuk membangun tanah wakaf secara berkolaborasi dengan pihak pemaju. Antara projek yang sedang diusahakan iaitu kerjasama pihak MAIDAM dengan BGH Holding Sdn Bhd bagi membina rumah teres di atas tanah wakaf lot 1328 hingga lot 1364 Mukim Belara, sebanyak 37 unit.

Berdasarkan pembiayaan pembangunan tanah ini, pihak MAIDAM mempunyai dana pembiayaan yang terhad untuk membina sesebuah projek yang berskala besar. Merujuk rajah 5 di atas, hampir 90% dana pembiayaan adalah bersumberkan daripada dana pihak luar. Justeru, hubungan kerjasama dengan pihak luar mesti diteruskan kelangsunganya sebagaimana kejayaan sebelum ini telah dilaksanakan. Selain kebergantungan pembiayaan dana daripada luar, sumber dalaman iaitu dana wakaf tunai dan wang istibdal merupakan salah satu pembiayaan penting untuk membangunkan tanah-tanah wakaf. Berdasarkan laporan daripada Unit Kewangan MAIDAM, wang istibdal bagi akaun ‘wakaf am’ adalah sebanyak RM 2,415,940.45, manakala wakaf tunai MAIDAM pula adalah sebanyak RM 1,802,184.35 (bukan hasil). Maklumat terperinci bagi kedudukan kewangan wakaf adalah sebagaimana berikut:

Jadual 4: Laporan Kewangan Wakaf MAIDAM

Bil	Jenis Wakaf	Hasil (RM)	Istibdal (RM)
1	Wakaf Am	3,466,613.36	2,415,940.45
2	Wakaf Tunai (MAIDAM)	980,987.14	1,802,184.35
3	Wakaf Khas Pendidikan Agama	838,960.96	1,875,234.33
4	Wakaf Khas untuk tapak perkuburan Islam / Manfaat perkuburan Islam.	3,485,931.82	16,200.00
5	Wakaf Khas untuk tapak / manfaat kepada masjid	3,485,391.82	2,290,432.14
6	Wakaf Khas untuk tapak / manfaat kepada surau	509,108.29	305,199.04
7	Wakaf zuriat	3,331,040.60	3,238,584.12

Berdasarkan rajah di atas, pembiayaan bagi tanah-tanah wakaf boleh dilaksanakan secara berperingkat mengikut saiz kemampuan kewangan wakaf yang ada di

MAIDAM khususnya bagi kumpulan dana wakaf tunai dan istibdal wakaf am yang terkumpul hampir RM 4 juta.

Kaedah Pelaksanaan Projek MAIDAM

MAIDAM bukan sebuah badan yang disebut sebagai ‘jabatan teknikal’ yang disamakan dengan Jabatan Kerja Raya (JKR). Struktur organisasi MAIDAM bagi jawatan kerjuruteraan adalah Gred 29 iaitu kumpulan pelaksana. Dengan kedudukan struktur ini, pihak MAIDAM melaksanakan segala fungsi-fungsi yang berkait pembinaan dan projek adalah secara konvensional iaitu melantik kepakaran mana-mana pihak konsultan samada secara terbuka atau terpilih. Ini kerana, kepakaran pihak konsultan akan melibatkan kerja-kerja berikut:

- i) Menyediakan pelan reka bentuk pembangunan
- ii) Menyediakan dan menghantar lukisan pembinaan ‘Kebenaran Merancang’ (KM) kepada pihak PBT
- iii) Menyediakan anggaran kos pembinaan
- iv) Menyediakan dokumen, iklan dan penilian sebut harga atau tender
- v) Menyediakan dokumen pelantikan kontraktor
- vi) Menyelia dan membuat arahan kepada kontraktor;
- vii) Mengesah kedudukan semasa kerja-kerja yang dilaksanakan di lapangan;
- viii) Memeriksa kerja-kerja dan membuat pengesahan mengikut kontrak;
- ix) Mengesahkan ‘Sijil Siap Kerja Kontraktor’.
- x) Mengesahkan ‘*As-Built Drawing and Warranty*’;
- xi) Mengesahkan ‘Sijil Tanggungan Kecacatan’;
- xii) Menyediakan ‘Akuan Muktamad’ kepada kontraktor.

Berdasarkan senarai kerja ini, antara yang penting adalah keperluan untuk memperoleh ‘Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan’ *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC). Pihak yang boleh mengedalikan CCC adalah pihak konsultan yang bertauliah, ini kerana prosesnya agak rumit kerana melibatkan beberapa perundangan iaitu sebagaimana berikut:

- i) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
- ii) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- iii) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)
- iv) Akta Hak Milik Strata 1985
- v) Akta Arkitek 1967 (Akta 117)
- vi) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 130)
- vii) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan
- viii) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133).

Antara contoh kaedah pembinaan secara konvesional yang telah dilaksanakan oleh pihak MAIDAM membina sebuah homestay di atas tanah lot 3327 Mukim Bukit Besar melalui perlantikan konsultan iaitu AHS Architects Sdn. Bhd. Bangunan ini telah memperoleh CCC berdasarkan perlaksanaan yang dibuat oleh pihak konsultan mengikut ketetapan perundangan di atas.

Oleh demikian, terdapat beberapa bangunan di atas tanah wakaf yang tidak memperoleh CCC kerana tidak memenuhi prosedur yang ditetapkan. Hal ini berlaku kerana keputusan Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada tahun 2016 tidak membenarkan tanah wakaf diserahkan kepada pihak berkuasa negeri (PBN) bagi tujuan pembangunan kecuali melaksanakan istibdal. Kesan keputusan ini turut memberi implikasi ke atas Borang G7 iaitu pihak OCS tidak dapat meluluskan CCC. Justeru itu, bagi membolehkan perkara ini dapat diselesaikan, istibdal perlu dilaksanakan ke atas mana-mana tanah yang hendak dibangunkan khususnya serahan tanah untuk kegunaan awam iaitu rezab jalan.

Selain kebolehsanaan projek yang dapat dilaksana oleh pihak konsultan, elemen penting juga adalah keperluan kajian tentang daya guna atau sewaan harta tanah wakaf yang telah siap dibina bagi projek berskala besar. Jika dibandingkan dari sudut penjualan harta tanah biasa, kadar daya pembelian tidak begitu baik. Merujuk laporan rasmi oleh Jabatan Perumahan Negara, jumlah pembinaan unit rumah oleh pihak swasta bagi negeri Terengganu pada tahun 2018 adalah sebanyak 4,247 unit, daripada jumlah ini sebanyak 2,041 hanya berjaya dijualkan oleh pihak pemaju (KPKT, 2022).

KESIMPULAN

Empat tema utama dalam penelitian ini iaitu pertama kedudukan tanah wakaf, kedua sektor pembangunan wakaf, ketiga pembiayaan pembangunan wakaf dan keempat kaedah pelaksanaan projek wakaf. Tema pertama mendapati bahawa tanah wakaf am adalah berpontensi dimajukan berbanding tanah wakaf yang lain. Ini mengambil kira beberapa faktor yang saling berkait seperti keluasan tanah, kawasan sekitar, pegangan hak milik, taburan daerah, syarat tanah dan akses jalan. Bagi sektor pembangunan wakaf pula, aspek yang perlu dilihat adalah pulangan manfaat kepada masyarakat setempat yang diperoleh secara optimun. Justeru itu, ukuran ini dapat diperoleh melalui formula *Creativity Index* (CI), maka sektor komersial adalah diutamakan berbanding sektor-sektor yang lain. Dari sudut pembiayaan pembangunan wakaf pula, sumber peruntukan Kerajaan adalah paling tinggi berbanding sumber dana yang lain yang telah dibangunkan sebelum ini. Namun demikian, kebergantungan dana tersebut dengan pihak Kerajaan adalah terhad, justeru itu, pihak MAIDAM perlu berusaha untuk memperoleh dana dengan kaedah yang pelbagai. Kini, sumber yang dapat direalisasikan dalam tempoh segera adalah melalui peruntukan istibdal wakaf am dan wakaf tunai. Tema yang akhir dapat dirumuskan bahawa pembinaan projek ke

atas bangunan wakaf mestilah bangunan yang yang hendak dibina mempunyai ‘Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan’ CCC. Maka segala prosedur yang dilaksanakan mestilah dipatuhi, namun dalam konteks tanah wakaf bahawa elemen istibdal hendaklah diutamakan.

RUJUKAN

- Abdul Rasyid Aziz. (1999). ‘*Pengurusan Projek Perspektif Industri Pembinaan*’. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, ed 1.
- Al-Ramlī. (t.t.) ‘al-Nihāyatul al-Muhtāj’. Kaherah: Dār Al-Fikr, t.tp, jld 5.
- Al-Zuhailī, Wahbah. (2008). *Fiqh al-Islam wa al-Adillah*. Jld. 8, Damsyik: Dār al-Fikr, ed. 6.
- Asiah Kamal & Azizi Seman. (2017). *Pembentangan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih: Potensi Pelaksanaan di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi*. TAFHIM: IKIM Jurnal of Islam and the Contemporary World 10: 151–185
- Asmak Ab Rahman. (2009). *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*. Jurnal Syariah, 113-152.
- Bakri Ibrahim. (2014). ‘*Kursus Profesional Pengurusan Harta Wakaf*’. Kertas Kerja: Senario Harta Wakaf Di Malaysia. UIM, 26 September 2014.
- Davut Gazi Benli. (2014). ‘Seminar Waqaf Antarabangsa’ Kertas Kerja: *The Evolution Of Waqf Development In Turkey*. Kuala Lumpur, Hotel Istana: 7-10 Disember 2014.
- Fatin Dayana, Yaakob. (2022). *Penelitian Terhadap Wakaf Kediaman dan Pendidikan di Malaysia Menerusi Komperatif Negara Terpilih* Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 23(3), 40-57.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). ‘*Metodologi Penyelidikan*’ Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, ed 2.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’. (2009). Manual Pengurusan Tanah Wakaf’. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, ed 2.
- Jabatan Perdana Menteri. (2015). Unit Penyelarasaran Pelaksanaan: Konsep Praktikal Dan Realiti ‘ICU’. (2015). ed 1, ‘*Pengurusan Projek Awam*’ Putrajaya: JPM ‘ICU’.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (2023) , *Buku Bajet MAIDAM 2023*.
- Mohd Ali Muhammad Don. (2016). *Peranan Wakaf untuk Pembangunan Pendidikan Tinggi; Sejarah Silam dan Pelaksanaan di Malaysia*. 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (ICASIC2016)(pp. 187-194). Kuala Lumpur, Malaysia: World Conference.

- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, Nadhirah Nordin. (2020). *Perkembangan Kajian Tentang Pembangunan Tanah Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur*. Al-Qiyam International Social Science and Humanities Jurnal: E-ISSN: 2637-0271 Vol 3 No 1, 2020.
- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, Nadhirah Nordin. (2020). *Pembangunan Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat*. BITARA International Jurnal of Civilizational Studies and Human Sciences: e-ISSN: 2600-9080 Vol 3 Issue 2, 2020.
- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, Nadhirah Nordin. (2021). *Pelaksanaan Istibdāl Bagi Tanah-Tanah Wakaf Di Malaysia: Kajian Perbandingan Antara Hukum Syarak Dengan Perundangan Sivil (Implementation of Istibdal on Waqf Land in Malaysia: A Comparative Study between Syarak Law and Civil Law)*, UUM Journal of Legal Studies: ISSN 2229-984X e-ISSN: 0127-9483, Vol. 12, Bil 2, 2021.
- Nurdin Ngadimon. (2015). *Pembangunan Wakaf: Pendanaan Melalui Sukuk Sustainable and Responsible Investment (SRI)*. Prosiding e-muamalat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Portas Rasmi Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)
<https://ehome.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/36?mid=195> akses pada Feb 2022.
- Razali, Othman. (2013). *Institusi Wakaf: Sejarah Dan Amalan Masa Kini*, Selangor: Bandar Baru Bangi, Utusan Prints cop Sdn. Bhd.
- Sakinatul Radiah. (2018). Kaedah Pembiayaan Pembangunan Tanah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri terpilih, Tesis Phd, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2018). *'Kajian Kualitatif Dan Analisis Temubual'* Kuala Lumpur: Published in Malaysia , ed 4, hlm 7.
- Surita Hartini, Farahdina Faizal & Salimah Yahya. (2021). *Potensi Pembiayaan Pembangunan Harta Wakaf Di Malaysia Melalui Kaedah Pembiayaan Secara langsung*. Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021) eISBN: 978967171284
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2014). 'Aset Wakaf dalam Konteks Pembangunan, Tadbir Urus dan Pasaran Modal Islam'. Kuala Lumpur: Bukit Kiara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, hlm 48, ed 1
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. (2015). *'Pengurusan Projek Awam: Konsep Pretikal Dan Realiti*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad. ed 1.
- Yayasan Wakaf Malaysia. (2016). *Pelan Induk Transformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia*, Selangor: Firdaus Press Sdn Bhd, ed, 1.

Yayasan Wakaf Malaysia. (2015). *7 Pintu Asas Kefahaman Wakaf*, Selangor: Reka Cetak Sdn Bhd, ed1.

Othman Lebar. (2017). ‘*Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*’. Perak: Nur Niaga Sdn Bhd, ed 6.